

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian - B&W
Ekonomi, P. 30 (1 of 1)

Date: January 4, 2008

Visko Industries labur RM30j bina kilang pertama

Visko Industries labur RM30j bina kilang pertama

Oleh Suffian A Bakar

VISKO Industries Sdn Bhd, syarikat usaha sama Taiwan dan Indonesia, melabur RM30 juta bagi pembangunan fasa pertama kilang mengeluar pelekat di Syarikat Taiwan, Indonesia pilih Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Pengarah Urusannya, Judi Widjaya Leonardi, berkata kilang seluas 100,000 kaki persegi itu mempunyai keupayaan menghasilkan 30 juta hingga 35 juta meter persegi pelekat sebulan.

Beliau berkata, kilang berkenaan yang dijadualkan beroperasi suku ketiga tahun ini, akan menghasilkan pelekat khusus ba-

gi pasaran serantau.

"Selain kemudahan kelas pertama, kami memilih PKFZ berdasarkan profesionalisme ditunjukkan kakitangannya dalam membantu mempermudah proses penubuhan syarikat di zon itu.

"Kami dapati amat mudah berurusan dengan PKFZ, terutama menerusi agensi sebhentunya," katanya pada majlis pecah tanah tapak kilang Visko Industries di PKFZ di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, semalam.

Hadir sama Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datin Paduka OC Phang; Pengarah PKFZ, Tan Sri Profesor Dr James Alfred; Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan Port Klang Free Zone Sdn

Bhd, Chia Kon Leong, serta Pengurus Besar Pemasaran dan Komunikasi Korporataya, Helen How Mei Leng.

Visko Industries adalah syarikat usaha sama antara Alpha Beta Enterprise Company Ltd berpangkalan di Taiwan dan PT Ekadharma International Tbk dari Indonesia.

Ekadharma memiliki dua kilang mengeluar pelekat di Indonesia dan tiga di Taiwan.

Visko Industries ditubuhkan pada Julai 2007 dan memeterai perjanjian dengan PKFZ September tahun lalu, bagi menyewa kawasan seluas dua hektar dengan opsyen tambahan dua hektar bagi pembangunan fasa keduanya.

Judi Widjaya berkata, pihaknya bercadang membesarkan kilang pengeluaran pelekat di PKFZ itu menjelang 2010 dengan peningkatan sekali ganda keupayaan pengeluaran.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat menganggarkan kos pembangunan fasa kedua kerana ia bergantung kepada pelbagai faktor termasuk kos bahan binaan.

"Kami yakin mendapat balik modal yang dilaburkan untuk pembangunan fasa pertama setelah selepas beroperasi," katanya sambil menambah di Asean saja, pasaran pelekat dianggarkan sekitar 100 juta meter persegi sebulan.

Sementara itu, Phang berkata se-

jak pembukaannya pada November 2006, sebanyak 39 syarikat yang terlibat dalam pembuatan, pengedaran perulatan pelbagai industri, perdagangan dan logistik sudah melabur sekitar RM729 juta di PKFZ, sekali gus membuka 888 peluang pekerjaan baru.

Syarikat berkenaan, katanya, menguasai 36.8 hektar kawasan lapang, 25 unit industri ringan dan lebih 6,000 kaki persegi ruang pejabat.

"Pihak pengurusan PKFZ kini berunding dengan 55 syarikat tempatan dan luar negara yang memiliki potensi pelaburan bernilai RM619 juta," katanya sambil menambah sasaran pelaburan itu dijangka dicapai akhir tahun ini.